

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan platform penghantaran makanan seperti *Foodpanda*, *Grabfood*, dan *Shopeefood* bagi mewajibkan penghantar makanan yang berdaftar dengan mereka membuat caruman dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Nyatakan statistik '*rider*' yang mencarum dengan PERKESO dan yang pernah mendapat faedah di bawah skim PERKESO

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah pun mengadakan kerjasama dengan beberapa penyedia platform penghantaran makanan seperti Foodpanda, Grabfood, dan Shopeefood bagi mewajibkan penghantar barangan dan makanan membuat pendaftaran serta mencarum dengan PERKESO mulai 1 Oktober 2021. Hasil kerjasama dan kolaborasi PERKESO tersebut telah memberikan kesan yang sangat positif.

Berdasarkan data PERKESO, sehingga 31 Oktober 2021 seramai 201,331 rakan penghantar telah mencarum dengan PERKESO. Data juga menunjukkan seramai 464 Orang Bekerja Sendiri iaitu rakan penghantar telah menerima faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri PERKESO yang melibatkan jumlah bayaran faedah sebanyak RM1.15 juta.